

PERPUSTAKAAN

FAKULTI ALAM BINA



FAB3000009733

**KEBERKESANAN KAEDAH PERANCANGAN PENGURUSAN SISA
PEMBINAAN DALAM MENGURANGKAN JUMLAH SISA YANG DIJANA
DI TAPAK BINA**

JULIANI BINTI JAMIL

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI, 2009

ABSTRAK

Sektor pembinaan adalah merupakan sektor yang penting dan sedang berkembang dengan pesatnya di Malaysia. Untuk membolehkan sektor ini terus berkembang, pengurusan yang baik amatlah diperlukan terutamanya pengurusan di tapak bina. Salah satu bahagian pengurusan tapak bina yang tidak kurang pentingnya adalah perancangan pengurusan sisa pembinaan. Penghasilan sisa yang tidak dikawal akan menyebabkan pencemaran dan mengurangkan keuntungan pihak kontraktor. Berikutan dengan itu, tiga objektif telah ditetapkan iaitu, mengenalpasti punca-punca penghasilan sisa pembinaan, mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh kontraktor dalam melaksanakan kaedah perancangan pengurusan sisa pembinaan dan mengenalpasti tahap keberkesanan kaedah perancangan pengurusan sisa pembinaan dalam mengurangkan jumlah sisa yang dijana. Hasil daripada kajian mendapati bahawa punca utama penghasilan sisa adalah sikap pekerja semasa mengendalikan bahan binaan dan kelemahan organisasi serta perancangan tapak bina. Sementara itu, masalah utama yang dihadapi oleh kontraktor di dalam melaksanakan kaedah perancangan pengurusan sisa pembinaan adalah sikap dan budaya di dalam industri pembinaan. Untuk objektif ketiga, kaedah perancangan pengurusan sisa pembinaan yang paling berkesan adalah Perancangan susun atur tapak yang baik, pembelajaran dan latihan dan meletakkan bahan berhampiran dengan kawasan bahan tersebut akan digunakan. Kontraktor juga berpendapat bahawa penggunaan kaedah pengawalan bahan binaan yang ketat tidak membantu di dalam mengurangkan sisa pembinaan yang dijana. Borang soal-selidik telah digunakan sebagai kaedah pengumpulan data. Soalan-soalan yang ditanya berbentuk Analisis kekerapan, skala Likert dan purata min. kajian ini tertumpu kepada firma-firma kontraktor yang berdaftar dengan PKK di bawah Kelas A di Semenanjung Malaysia. Penyelidik berharap hasil kajian ini dapat menjadi panduan kepada semua pihak yang terlibat di dalam industri binaan dalam memilih kaedah perancangan yang bersesuaian untuk mengurangkan sisa dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi kerja semasa menguruskan tapak bina.

ABSTRACT

The construction sector is one of the important sectors in Malaysia which has undergone rapid development. A good management is very important to make sure this sector can continuously growth especially at construction site. One of the important parts of the site management is the construction waste management. This is because if this waste is not controlled it will cause the environmental pollution and will reduce the contractor's profit. Hence, three objectives has been determined, which is to determine the cause of the waste production, to analyses the problem faced by the contractor to use the waste-management-plan method at site and to determine the effectiveness of the waste-management-plan method in construction in reducing the amount of waste produced. The finding shows that the most factors that influence the production of waste is the behavior of the worker in handling the material and also the weaknesses of the organization and the site management. Whereas the major problem faced by the contractor in implementing the waste-management-plan method in construction industry is the construction culture and behavior itself and for the last objective, the most effective way to reduce the amount of waste produce is through the good planning of the site layout and placing the material that will be used to the nearest place. Questionnaire have been used as the data collection instrument and analyzed using Frequency Statistic Method, *Likert* Scale and min average. This study has been conducted to a group of respondent and limited to PKK class A contractors. Author hopes that the outcomes from this research can serve as guideline to all parties involved in construction in choosing the most appropriate method in reducing the waste and it will improve the performance in managing the construction site..